

NO. SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH**

TARIKH : 17 Julai 2017

RUJUKAN : 9963

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menyatakan sebab Kerajaan kini tidak lagi berniat untuk mengekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar dari Australia memandangkan pendirian Menteri Dalam Negeri dalam bulan, Mac, 2015 bahawa rundingan proses ekstradisi tersebut dengan Kerajaan Australia akan dimulakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan belum membuat permintaan ekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar kepada Kerajaan Australia. Permohonan ekstradisi ini perlu dilihat secara menyeluruh dan menyentuh hubungan dua hala dengan Australia. Hal ini kerana ia menyentuh dasar dan undang-undang negara lain yang perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain itu, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul bagi menjalani hukuman mati menyentuh isu hak asasi manusia. Mengikut triti ekstradisi, dokumen permohonan ekstradisi perlu menyatakan hukuman yang akan dikenakan ke atas penjenayah tersebut (hukuman mati) yang telah dijatuhkan Mahkamah Persekutuan. Walau bagaimanapun, Australia merupakan salah satu negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati dan tidak diterima oleh masyarakat di sana.

Berbeza dengan kebiasaannya kes-kes ekstradisi dimana penjenayah buruan kebiasaannya belum dijatuhkan hukuman lagi. Penjenayah buruan diekstradisi untuk menjalani proses keadilan di Mahkamah di Malaysia.

Kerajaan boleh mengemukakan hukuman selain hukuman mati seperti contoh hukuman penjara seumur hidup sekiranya Kerajaan berhasrat mengemukakan permohonan ekstradisi

kepada mana-mana negara yang tidak menyokong hukuman mati seperti Australia. Kerajaan tidak mempunyai ruang lagi untuk berunding dengan Australia kerana mahkamah Persekutuan telah menjatuhkan hukuman mati ke atas Sirul. Atas dasar itu, Kerajaan masih lagi mengkaji kaedah terbaik untuk menangani isu tersebut.